

Media mesti kekalkan perpaduan kaum:

Ling
9 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat
- Media massa diingatkan supaya melaksanakan tanggungjawab untuk mengekalkan keutuhan perpaduan dan persefahaman antara kaum di negara ini.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, media massa pelbagai bahasa mempunyai tanggungjawab penting membantu mencapai matlamat itu.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, media massa perlu mempunyai garis panduan yang jelas dalam hal itu bagi memastikan kestabilan hubungan serta keharmonian antara kaum, dikekalkan.

"Tidak kira sama ada akhbar berbahasa Melayu, Inggeris, Cina mahupun Tamil, mesti ada panduan jelas dalam hal ini. Adalah menjadi tanggungjawab semua supaya peka dengan perkara sensitif dan tidak membangkitkannya dalam keadaan yang tidak mengizinkan atau boleh menimbulkan salah faham.

"Saya percaya antara perkara yang perlu ditanya ialah adakah peranan media massa untuk mengapi-apikan emosi atau membendung emosi bagi memastikan keadaan yang stabil dan harmoni," katanya selepas merasmikan pameran 'Kuala Lumpur: Peperangan dan Keamanan' anjuran Institut Teknologi Kreatif Limkokwing di Loke Mansion, Jalan Medan Tuanku di sini, hari ini.

Dr Ling berkata demikian ketika mengulas perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-43 baru-baru ini yang menyifatkan tindakan kumpulan al-Ma'unah dan Jawatankuasa Rayuan Pilihanraya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu) akan merosakkan hubungan baik antara kaum.

Perdana Menteri berkata, tindakan Suqiu tidak banyak berbeza dengan tindakan komunis dulu yang hendak menghapuskan sama sekali kedudukan istimewa orang Melayu di Malaysia.